

Bahagian Undang-Undang & Penguatkuasaan
Majlis Daerah Kulim



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 42
Bil. 17

19 Ogos 1999

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN

K. P.U. 8.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN (MAJLIS DAERAH KULIM) 1997

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.
4. Jumlah kompaun dan cara bayaran.
5. Borang bagi tawaran mengkompaun (Borang A).
6. Borang penerimaan tawaran mengkompaun (Borang B).
7. Kuasa Majlis untuk mengubahsuai borang kompaun.

JADUAL I.

JADUAL II.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1997**

Akta 133.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Negeri membuat Undang-undang Kecil berikut:

*Nama,
permakahan dan
mula
berkuatkuasa.*

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan *Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Daerah Kulim) 1997* dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kulim dan hendaklah mula berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertiinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

“Majlis” ertiinya Majlis Daerah Kulim;

“sesuatu Undang-undang Kecil” ertiinya mana-mana Undang-undang Kecil yang berkuatkuasa dan dipakai dalam kawasan Majlis;

“Yang Dipertua” ertiinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim.

*Kesalahan-
kesalahan yang
boleh di-
kompaun.*

3. Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 46, 52, 55, 56, 57, 58, 59, 70, 70A, 71, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82, 85 dan 87 Akta boleh dikompaun oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis olehnya bagi tujuan tersebut.

*Jumlah kompaun
dan cara
bayaran.*

4. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun sesuatu kesalahan itu hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah Akta, atau tidak melebihi tiga ratus ringgit, jika kesalahan itu di bawah sesuatu Undang-undang Kecil.

(2) Pembayaran wang itu bolehlah dibuat secara tunai sendiri kepada orang yang membuat tawaran untuk mengkompaun atau jika dibuat secara kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank, hendaklah dialamatkan dan dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua dan dipalang dengan “Akaun Penerima Sahaja”.

(3) Pembayaran boleh dibuat sendiri secara wang tunai di Pejabat Majlis, 09000 Kulim, tetapi jika pembayaran dihantar melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kulim, 09000 Kulim, Kedah Darul Aman.

(4) Tiap-tiap pembayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis, dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya atas nama orang yang telah membuat bayaran itu.

5. Borang "A" hendaklah digunakan seperti Jadual I bagi membuat suatu tawaran mengkompaun.

Borang bagi tawaran mengkompaun (Borang A).

6. Borang "B" hendaklah digunakan seperti Jadual II untuk menerima tawaran mengkompaun.

Borang penerimaan tawaran mengkompaun (Borang B).

7. Majlis boleh dari masa ke semasa mengubahsuai mana-mana Borang yang tersebut dalam Undang-Undang Kecil 5 atau 6.

Kuasa Majlis untuk mengubahsuai borang kompaun.

JADUAL I

BORANG "A"

(Undang-Undang Kecil 5)

TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:

Tuan/Puan,

Rujuk:

BAHAWASANYA, menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang yang berkaitan

Tarikh Waktu

Tempat

Butir-butir kesalahan:

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Daerah Kulim) 1997, saya bersedia dan dengan ini menawarkan, untuk mengkompaun kesalahan itu dengan

bayaran wang sebanyak RM (Ringgit Malaysia

3. Pembayaran boleh diserahkan dengan sendiri secara wang tunai kepada orang yang membuat tawaran kompaun, atau, jika pembayaran dihantar melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank, ianya hendaklah dialamatkan kepada dan atas nama "Yang Dipertua" dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

Satu resit rasmi akan dikeluarkan kepada pembayar apabila pembayaran dibuat.

4. Tawaran ini akan luput tempohnya pada
Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan (1)* pada tarikh tersebut tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu, jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh, haribulan 19

.....
*Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kulim*

Waktu Urusan:

Sabtu – Rabu: 8.00 pagi hingga 12.45 tengah hari

2.00 petang hingga 3.30 petang

Khamis: 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

JADUAL II

BORANG "B"

(Undang-Undang Kecil 6)

PENERIMAAN TAWARAN MENGKOMPAUN

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kulim
09000 Kulim, Kedah

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah

Rujukan..... bertarikh..... Saya terima tawaran
itu dan disertakan bersama-sama ini wang tunai (2) *

Kiriman Wang Pos/Pesanan Juruwang/ Pesanan Bank/Draf Bank No.

..... sebanyak (Ringgit Malaysia)

..... bagi membayar kompaun itu.

Tandatangan

Nama
(Huruf Besar)

Alamat

Tarikh

*(3) Potong yang mana tidak berkenaan.

Diperbuat pada 28 Oktober 1997.
[MDK 900 Jld. 5.]

AHMAD FISOL BIN MD. NOR,
*Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kulim*

Disahkan pada 17 Mac 1999.
[PSU(K) 98/1396 SK. 21/A.]

HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Kedah Darul Aman*

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974
COMPOUNDING OF OFFENCES (KULIM DISTRICT COUNCIL) 1997

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws

1. Citation, application and commencement.
2. Interpretation.
3. Compoundable offences.
4. Compound amount and mode of payment.
5. Form to offer compound (Form A).
6. Acceptance form to offer compound (Form B).
7. Power of the Council to modify compound forms.

SCHEDULE I.

SCHEDULE II.